

**NO. SOALAN : 391**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL  
[ SUNGAI PETANI ]**

**SOALAN :**

**YB. Dato' Johari bin Abdul [ Sungai Petani ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan kejadian menipu bakal-bakal jemaah yang mahu melakukan umrah di tanah suci berlaku hampir setiap tahun oleh agen-agen yang tidak bertanggungjawab. Adakah Kementerian berhasrat menamakan agensi-agensi yang ditauliahkan sahaja yang boleh menguruskan pakej umrah. Manakala yang tidak berdaftar akan dikenakan tindakan undang-undang.

**JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini semua syarikat-syarikat pengendali pelancongan yang mempunyai lesen dalam bidang pengendalian pelancongan ke luar negara atau *Outbound* yang dikeluarkan oleh Kementerian ini sahaja dibenarkan menjual pakej berkaitan umrah dan ziarah. Senarai syarikat yang mempunyai lesen dalam bidang *Outbound* termasuk umrah dan ziarah, boleh disemak di laman sesawang [www.motac.gov.my](http://www.motac.gov.my). Disamping itu, senarai syarikat yang ditauliahkan oleh Kerajaan Arab Saudi atau "*muassasah*" boleh dirujuk di laman sesawang Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji di [www.jawhar.gov.my](http://www.jawhar.gov.my).

Bagi syarikat yang tidak berlesen, tindakan penguatkuasaan akan diambil sekiranya terlibat dalam mengendalikan pakej pelancongan. Berdasarkan statistik Kementerian, dari tahun 2012 sehingga Mac 2016 sebanyak 57 kes melibatkan syarikat yang tidak berlesen dan yang berlesen telah dikenakan tindakan dan melibatkan nilai kompaun sebanyak RM 249,000.00 atas pelbagai kesalahan berkaitan pengendalian pakej umrah di bawah Akta Industri Pelancongan (AIP) 1992. Selain daripada itu, sebanyak 11 buah syarikat telah dibatalkan lesen pelancongan dan satu (1) syarikat telah ditarik balik lesen dalam bidang *Outbound* kerana melakukan kesalahan yang berkaitan dengan pengendalian pakej umrah.

Sekian, terima kasih.